Butiran akaun untung rugi telah dibentangkan dengan teratur oleh pihak pengurusan KoPPiM dalam tahun kewangan yang di audit.

Rekod penyata kewangan telah direkod dan di simpan dengan baik serta diberikan penjelasan keterangan butiran dalaman dengan jelas.

Baucer bayaran buku tunai, resit rasmi, inbois dan penyata bank telah dilengkapkan dan mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil KoPPiM.


B. KAEDAH AUDIT DALAM SISTEM PENTADBIRAN

- a. Penelitian terhadap Manual kualiti dan prosuder kerja
- b. Semakan dokumen dan rekod-rekod ahli
- c. Permerhatian ke atas persekitaran kerja
- d. Temubual dengan staf dalaman KoPPiM

Secara keseluruhannya pengurusan adalah baik dan mengikut Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.

Sekian laporan kami.

Terima kasih.



Anuar Kamal Bin Ismail
Ketua Juru Audit Dalaman

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2021

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
31HB DISEMBER 2021

Kandungan	Muka Surat
MAKLUMAT KORPORAT	2
LAPORAN JURUAUDIT	3 - 7
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA	8 - 9
PENYATA KEWANGAN	
Kunci Kira-Kira	10
Akaun Pembahagian Keuntungan	11
Akaun Untung Rugi	12
Penyata Aliran Tunai	13
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	14 - 23

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

AHLI LEMBAGA KOPERASI	:	MUSTAPA KAMAL BIN MOHD RAZALI SAMSIAH BINTI SARIF NORFARIDA BINTI ALI MOHD FAZLI RAHIM (Meletakkan jawatan pada 27.12.2021) PROF. AHAMED KAMEEL BIN MYDIN MEERA (Meletakkan jawatan pada 17.4.2022) DATO' HAJI ZAINAL AZMAN BIN BIDIN ABDULLAH BIN SULAIMAN DR BAKRI BIN ALI SYAHRIDON BIN HERMAN MARDJA ZAINAL ABIDIN BIN ALIAS	(Pengerusi) (Setiausaha) (Bendahari)
ALAMAT PERNIAGAAN	:	BRAINY BUNCH COMPLEX @ RAUDHAH CITY JALAN SP 10/1 SELANGOR CYBER VALLEY 63000 CYBERJAYA SELANGOR	
JURUAUDIT	:	HISHAM & CO (AF1491) AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA) NO. 12 (ROOM A), 1ST FLOOR JALAN SUASANA 2/7 BANDAR TUN HUSSEIN ONN 43200 CHERAS SELANGOR	
BANK UTAMA	:	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD CIMB BANK BERHAD	

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2021

Kepada :

Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia Berhad

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penafian Pendapat

Kami telah dilantik untuk mengaudit penyata kewangan **Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia Berhad ('KOPPIM')**, yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 31hb Disember 2021 dan Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta Nota-nota kepada Penyata Kewangan termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, dibentangkan di muka surat 10 hingga 23.

Kami tidak menyatakan sebarang pendapat mengenai penyata kewangan KOPPIM bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 oleh kerana perkara signifikan yang dijelaskan dalam '*Asas bagi penafian pendapat*' dalam laporan kami. Kami tidak dapat memperolehi bukti audit yang sewajarnya untuk menyediakan asas bagi penafian pendapat audit bagi penyata kewangan ini.

Asas bagi Penafian Pendapat

a) Pelaburan Strategik dan Pendapatan daripada aktiviti Koperasi

Pelaburan strategik adalah perjanjian usahasama antara pihak pengurusan KOPPIM dan Mohd Fadzil Hashim ('MFH'). Menurut perjanjian, pihak KOPPIM melabur dalam syarikat iaitu Malakat Mall Sdn. Bhd. Dalam perjanjian tersebut, KOPPIM juga mempunyai hak terhadap bayaran tahunan sebanyak dua peratus (2%) daripada pendapatan kasar Malakat Mall Sdn. Bhd. Merujuk kepada perjanjian dan juga rekod perakaunan daripada pihak KOPPIM, pihak KOPPIM telah mengenakan cas bayaran tahunan kepada syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak kami hanya dapat mengesahkan pelaburan tambahan pada tahun semasa bagi pelaburan berjumlah RM6,837,386.00 berbanding jumlah keseluruhan RM20,918,529.00. Selain itu, terdapat juga pindaan terbaru daripada perjanjian asal di mana ianya menjelaskan bahawa pihak pengurusan KOPPIM telah melabur dalam Malakat Mall Cyberjaya Sdn. Bhd. dan bukannya Malakat Mall Sdn. Bhd. Dokumen statutori yang diberikan juga menunjukkan pihak KOPPIM mempunyai saham sebanyak RM20,918,529.00 di dalam syarikat Malakat Mall Cyberjaya Sdn. Bhd. dan bukan Malakat Mall Sdn. Bhd. Pihak kami sedia maklum akan hal tersebut di mana kedua-dua syarikat adalah pemilik yang sama iaitu MFH dan penjelasan juga telah diberikan kepada pihak kami berkenaan perkara tersebut. Namun begitu, sehingga tahun kewangan berakhir pihak pengurusan KOPPIM masih lagi dalam proses memohon kebenaran dan kelulusan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ('SKM') bagi pelaburan tersebut.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Laporan Juruaudit (Samb.)

Asas bagi Penafian Pendapat (Samb.)

b) Modal syer anggota

Dalam tahun kewangan, pihak KOPPIIM telah menyediakan senarai ahli anggota pemegang saham dan pihak pengurusan KOPPIIM juga telah menghantar surat pengesahan baki modal syer kepada anggota melalui sistem pautan 'google form'. Namun begitu, daripada keseluruhan jumlah anggota yang berjumlah 28,121 orang, hanya sebanyak 2,381 orang atau 8.5% yang telah membalas pengesahan tersebut dengan nilai sebanyak RM3,891,740.50 atau 16.9% daripada RM23,083,314.55 jumlah keseluruhan modal syer. Pihak pengurusan KOPPIIM hendaklah meningkatkan pembuktian pengesahan pegangan modal syer melalui pengesahan kepada anggota-anggota yang lebih komprehensif dan dipercayai tanpa keraguan bagi mengesahkan baki modal syer anggota KOPPIIM.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi ini menurut Undang-undang Kecil (Etika Professional, Tatacara dan Amalan) daripada Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawai Etika Antarabangsa bagi Kod Etika untuk Professional Akauntan oleh International Ethics Standards Board for Accountants ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Ahli Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Berkanun Lembaga, tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Anggota Lembaga dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, adalah tanggungjawab juruaudit untuk membaca Laporan Anggota Lembaga dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Anggota Lembaga tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit, atau sebaliknya memberi salah nyata yang ketara. Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam laporan anggota Lembaga, kami dikehendaki melaporkan hakikat tersebut. Kami tidak menemui apa – apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Laporan Juruaudit (Samb.)

Tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan kehendak Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Ahli Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan oleh Ahli Lembaga Koperasi yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata fakta yang penting, sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Koperasi, Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai keupayaan Koperasi untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan, melainkan Ahli Lembaga Koperasi berkeinginan untuk membubarkan atau menghentikan operasi Koperasi, atau tiada alternatif lain selain dari melaksanakannya.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Walau bagaimanapun, disebabkan perkara yang diterangkan dalam bahagian '*Asas bagi penafian pendapat*' dalam laporan kami, kami tidak dapat memperoleh bukti audit yang sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit ke atas penyata kewangan Koperasi.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- a) mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengecualian disengajakan, salah nyata atau mengatasi kawalan dalaman.
- b) memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- c) menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Ahli Lembaga Koperasi.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Laporan Juruaudit (Samb.)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan (Samb.)

- d) membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Koperasi, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan
- e) menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan merupakan asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dalam cara yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga Koperasi berkenaan, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan:

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan seperti mana yang dinyatakan dalam '*Asas bagi penafian pendapat*' tidak disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Laporan Juruaudit (Samb.)

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain tentang isi kandungan laporan ini.



HISHAM & CO.
No. Firma : AF 1491
Akauntan Bertauliah (Malaysia)



MOHD. HISHAMUDDIN BIN ABU HASSAN
No. Juruaudit: SKM(B)0232

Selangor

Tarikh : **12 AUG 2022**

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD (Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(1)(C)

Kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2021. Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4).
- b) Koperasi tidak bercadang mengeluarkan dividen pada tahun ini.
- c) Koperasi tidak bercadang membuat peruntukan bayaran kehormat kepada Ahli Lembaga Koperasi pada tahun ini.
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- f) Ahli Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Laporan Berkanun Lembaga (Samb.)

Kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).



MUSTAPA KAMAL BIN MOHD RAZALI
Pengerusi



SAMSI AH BINTI SARIF
Setiausaha



NORFARIDA BINTI ALI
Bendahari

Cyberjaya

Tarikh: **12 AUG 2022**

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31HB DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	6	834,000.00	1,060,000.00
Pelaburan dalam syer tak siar harga	7	20,918,529.00	14,033,373.53
		<u>21,752,529.00</u>	<u>15,093,373.53</u>
ASET SEMASA			
Penghutang perdagangan	8	1,380,897.43	327,833.46
Wang di bank	9	192,529.12	163,789.86
Wang di tangan	10	417.30	417.30
		<u>1,573,843.85</u>	<u>492,040.62</u>
JUMLAH ASET		<u>23,326,372.85</u>	<u>15,585,414.15</u>
KUMPULAN WANG ANGGOTA			
Modal syer anggota	13	23,083,314.55	14,666,057.67
Akaun untungrugi terkumpul		(88,478.50)	111,866.48
JUMLAH EKUITI		<u>22,994,836.05</u>	<u>14,777,924.15</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perdagangan	11	83,450.00	573,290.00
Pelbagai pemiutang dan akruan	12	248,086.80	234,200.00
JUMLAH LIABILITI		<u>331,536.80</u>	<u>807,490.00</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>23,326,372.85</u>	<u>15,585,414.15</u>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN INI		(200,344.98)	384,562.96
Tolak: PEMBAHAGIAN BERKANUN (15%)			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 15% (2020: 15%)		-	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		-	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		-	-
		-	-
(KERUGIAN) / KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		(200,344.98)	384,562.96
Tolak: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN			
Dividen dicadangkan		-	-
		-	-
BAKI (KERUGIAN) / KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGI-BAHAGIKAN		(200,344.98)	384,562.96
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN		111,866.48	(272,696.48)
(KERUGIAN) / KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		(88,478.50)	111,866.48

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan daripada aktiviti			
Pendapatan daripada aktiviti pelaburan	14	268,827.97	327,833.46
Yuran pendaftaran anggota		206,220.00	628,830.00
Hibah		212.07	37.63
JUMLAH PENDAPATAN		475,260.04	956,701.09
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Am			
Fi audit luar		6,500.00	7,500.00
Fi cukai		5,100.00	-
Gaji, bonus, upahan, caruman KWSP dan Perkeso		21,814.25	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6	278,000.00	1,700.00
		311,414.25	9,200.00
Pelbagai perbelanjaan			
Alatulis dan cetakan		528.00	145.00
Caj bank		400.00	230.90
Caj terminal		66,554.20	90,655.97
Elaun		820.00	-
Komisyen affiliate		36,190.00	-
Lain-lain belanja		39,186.66	-
Pemasaran dan promosi		203,064.00	385,124.30
Pembangunan laman web		3,343.09	-
Penalti		15.00	-
Perbelanjaan seperti di penyata bank		-	9,303.36
Perkhidmatan konsultansi		-	6,000.00
Pos dan setem		-	100.00
SST		2,469.82	150.80
Uniform		1,620.00	1,227.80
Yuran guaman dan profesional		10,000.00	70,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN		675,605.02	572,138.13
(KERUGIAN) / KEUNTUNGAN BERSIH		(200,344.98)	384,562.96

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
(Kerugian) / Keuntungan bersih sebelum cukai		(200,344.98)	384,562.96
Pelarasan ke atas perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		278,000.00	1,700.00
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		77,655.02	386,262.96
Penghutang perdagangan		(1,053,063.97)	(327,833.46)
Pemiutang perdagangan		(489,840.00)	570,840.00
Pelbagai pemiutang dan akruan		13,886.80	7,501.00
Aliran tunai bersih (digunakan untuk) / dijanakan daripada aktiviti operasi		(1,451,362.15)	636,770.50
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji, dan peralatan	6	(52,000.00)	(1,060,000.00)
Tambahan dalam pelaburan		(6,885,155.47)	(14,033,373.53)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(6,937,155.47)	(15,093,373.53)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penambahan modal syer anggota		8,417,256.88	14,618,297.67
Aliran tunai bersih dijanakan daripada aktiviti pembiayaan		8,417,256.88	14,618,297.67
LEBIHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		28,739.26	161,694.64
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		164,207.16	2,512.52
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		192,946.42	164,207.16
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:			
Wang di bank	9	192,529.12	163,789.86
Wang di tangan	10	417.30	417.30
		192,946.42	164,207.16

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31HB DISEMBER 2021

1. KEGIATAN KOPERASI

Koperasi sedang bergiat dalam menjalankan perniagaan yang mempunyai hubungkait secara langsung dengan pengguna, memperoleh tanah untuk dibuka dan dimajukan bagi maksud perladangan, perusahaan dan pembangunan tanah, menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perladangan, menjalankan aktiviti-aktiviti pajak gadai Islam Ar-Rahnu, aktiviti mikro kredit, aktiviti perkhidmatan runding cara, khidmat nasihat kewangan dan ejen insurans. Perubahan penting tidak berlaku di dalam kegiatan Koperasi dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Alamat Koperasi ialah Brainy Bunch Complex @ Raudhah City, Jalan SP/01, Selangor Cybervalley 63000, Cyberjaya, Selangor.

2. ASAS-ASAS PERAKAUNAN

Asas - Asas Perakaunan

- a) Penyata kewangan Koperasi disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan.
- b) Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi, 1993 dan Peraturan - Peraturan dibawahnya.

3. TARIKH KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Ahli Lembaga Koperasi pada tarikh bersamaan dengan tarikh Laporan Berkanun Lembaga.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan ini digunapakai seperti berikut:

a) Hartanah, loji, peralatan dan susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah susutnilai samarata berdasarkan tempoh harta tersebut dapat mengeluarkan hasil dengan cara yang ekonomik. Kadar-kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:-

Perisian IT	25%
Peralatan Komputer	20%

b) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Kunci Kira-Kira untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi diantara nilai jualan bersih aset dan nilai guna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka di diskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Akaun Untung Rugi. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktiraf sebelum ini.

c) Pelaburan

Pelaburan dalam syer siar harga, tak siar harga dan hartanah dinyatakan pada nilai kos ditolak peruntukan bagi sebarang penurunan nilainya yang kekal. Peruntukan rosotnilai hanya diperuntukkan apabila Lembaga berpendapat penurunan nilai pelaburan ini berkekalan.

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam Akaun Untung Rugi atau akaun hasil pada tahun ianya berlaku.

d) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu akan disediakan bagi hutang dan pembiayaan yang dikaji dan dikenalpasti sebagai ragu.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

d) Peruntukan Hutang Ragu (Samb.)

Peruntukan hutang ragu hanya diperuntukkan ke atas penghutang sekiranya terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan baki tertunggak tidak dapat dikutip. Pengenalpastian hutang ragu ini memerlukan pertimbangan dan anggaran. Sekiranya jangkaan berbeza daripada anggaran yang telah dibuat, perbezaan tersebut akan memberi kesan ke atas nilai dibawa penghutang dan belanja hutang ragu dalam tempoh di mana anggaran tersebut telah berubah.

e) Tunai dan kesaksamaan tunai

Tunai dan kesaksamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki wang dan deposit di bank dan pelaburan yang cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang kecil.

f) Cukai dan cukai tertunda

Cukai pendapatan ke atas keuntungan kerugian bagi tahun ini merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah yang dijangkakan bagi cukai pendapatan belum dibayar yang berkenaan dengan keuntungan boleh cukai tahun ini dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh Kunci Kira-Kira.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kaedah tanggungan untuk cukai yang ditunda disebabkan perbezaan antara masa kecuali di mana perbezaan tersebut dijangka akan berterusan di masa hadapan. Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan. Pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang signifikan bagi mengenal pasti jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan cukai masa depan serta strategi perancangan cukai masa depan.

g) Fi Masuk

Fi masuk yang diterima telah dikreditkan ke Akaun Untung Rugi selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Koperasi Seksyen 13(4).

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD

Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

h) Ganjaran Pekerja

Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diakru dalam tempoh perkhidmatan tersebut dilakukan oleh para pekerja Koperasi.

Pelan caruman tertakrif

Koperasi dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), satu badan berkanun yang menentukan pelan caruman untuk warga kerja yang layak berdasarkan kepada kadar gaji warga kerja. Caruman Koperasi ke KWSP dinyatakan berasingan manakala caruman warga kerja ke KWSP adalah termasuk di dalam gaji warga kerja.

5. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi adalah bertujuan untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan Koperasi di samping menguruskan risikonya. Polisi-polisi yang dihadapi terutamanya adalah risiko kecairan dan risiko kredit.

a) Risiko kecairan

Koperasi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubung untuk memenuhi obligasi mereka. Koperasi telah mengamalkan polisi yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod kredit yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satu cara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan perlanggaran. Penghutang perdagangan dikawal secara berterusan melalui prosedur pengurusan rekod koperasi.

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Perisian IT RM	Peralatan Komputer RM	Jumlah RM
2021			
<u>Pada kos</u>			
Pada 1hb Januari 2021	1,060,000.00	2,000.00	1,062,000.00
Tambahan	52,000.00		52,000.00
Jualan / Pelupusan	-	-	-
Pada 31hb Disember 2021	<u>1,112,000.00</u>	<u>2,000.00</u>	<u>1,114,000.00</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>			
Pada 1hb Januari 2021	-	2,000.00	2,000.00
Susut nilai bagi tahun semasa	278,000.00	-	278,000.00
Jualan / Pelupusan	-	-	-
Pada 31hb Disember 2021	<u>278,000.00</u>	<u>2,000.00</u>	<u>280,000.00</u>
<u>Nilai buku bersih</u>			
Pada 31hb Disember 2021	<u>834,000.00</u>	<u>-</u>	<u>834,000.00</u>
2020			
<u>Pada kos</u>			
Pada 1hb Januari 2020	-	2,000.00	2,000.00
Tambahan	1,060,000.00	-	1,060,000.00
Jualan / Pelupusan	-	-	-
Pada 31hb Disember 2020	<u>1,060,000.00</u>	<u>2,000.00</u>	<u>1,062,000.00</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>			
Pada 1hb Januari 2020		300.00	300.00
Susut nilai bagi tahun semasa		1,700.00	1,700.00
Jualan / Pelupusan	-	-	-
Pada 31hb Disember 2020	<u>-</u>	<u>2,000.00</u>	<u>2,000.00</u>
<u>Nilai buku bersih</u>			
Pada 31hb Disember 2020	<u>1,060,000.00</u>	<u>-</u>	<u>1,060,000.00</u>

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

7. PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA

	2021 RM	2020 RM
Syer tak siar harga		
Mohd Fadzil Hashim	20,918,529.00	14,033,373.53
Baki pada akhir tahun	20,918,529.00	14,033,373.53

Pelaburan syer tak siar harga merupakan pelaburan *Islamic Redeemable Convertible Preference Shares* ("iRCPS") melalui perjanjian usaha sama di antara KOPPIM dan Mohd Fadzil Hashim ("MFH").

Tujuan utama perjanjian tersebut adalah untuk menerokai bidang perniagaan peruncitan dan mendapatkan untung walaupun berdepan dengan risiko melabur di syarikat baru yang tiada jaminan sama ada berjaya atau tidak berjaya. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Pengarah bersepakat mengambil keputusan untuk melabur di bawah syarikat yang mana MFH akan bertanggungjawab terhadap kesemua untung dan rugi syarikat beliau.

Berikut merupakan *salient features* perjanjian iRCPS KOPPIM bersama MFH :

- | | | |
|------------------------------------|---|---|
| 1. Bilangan unit | : | 50,000,000 |
| 2. Nilai tara (<i>par value</i>) | : | RM1.00 / unit |
| 3. Harga pelaksanaan | : | RM1.00 / unit |
| 4. Tempoh pegangan | : | 10 tahun |
| 5. Pembayaran tahunan | : | 2% daripada pendapatan kasar syarikat berkenaan |
| 6. Penebusan | | |
| 1 - 5 tahun | : | Not allowed |
| 5 tahun 2 bulan ke hadapan | : | harga langganan + kenaikan modal 10% setiap tahun berdasarkan harga pelaksanaan |
| 7. Penukaran (<i>Conversion</i>) | : | Boleh ditukar kepada 30% saham biasa pada saat penyenaraian awam |

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

8. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	2021 RM	2020 RM
Penghutang Perdagangan		
Malakat Grocer - Cyberjaya	51,091.40	-
Malakat Lifestyles Sdn. Bhd.	11,262.13	-
Malakat Mall Cyberjaya Sdn. Bhd.	106,766.95	-
Malakat Mall Sdn. Bhd.	427,540.95	327,833.46
Raudhah Pay Sdn. Bhd.	784,236.00	-
	1,380,897.43	327,833.46

9. WANG DI BANK

	2021 RM	2020 RM
Akaun Semasa di,		
Bank Islam Malaysia Berhad	192,516.31	163,777.05
CIMB Bank Berhad - Ampang	12.81	12.81
	192,529.12	163,789.86

10. WANG DI TANGAN

	2021 RM	2020 RM
Wang di tangan	417.30	417.30
	417.30	417.30

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

11. PEMIUTANG PERDAGANGAN

	2021 RM	2020 RM
Pemiutang Perdagangan		
Datakraf Solution Sdn. Bhd.	-	418,000.00
Gugusan Menora	2,450.00	2,450.00
Icon Production Sdn. Bhd.	-	45,000.00
Intergrated Media Sdn. Bhd.	80,000.00	-
Mewahcord Sdn. Bhd.	1,000.00	-
Omni Enterprise	-	530.00
Qudrad Holdings Sdn. Bhd.	-	56,000.00
Smax Trading	-	51,310.00
	83,450.00	573,290.00

12. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2021 RM	2020 RM
Pelbagai Pemiutang		
Akruan	23,986.80	10,100.00
Tuntutan dari pengurusan lama, Sila rujuk Nota (i)	224,100.00	224,100.00
	248,086.80	234,200.00

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA BERHAD
Nota-nota kepada Penyata Kewangan (Samb.)

	2021 RM	2020 RM
(i) TUNTUTAN DARI PENGURUSAN LAMA		
a) Pendahuluan peribadi		
- Muhammad Zharif Johor	80,000.00	80,000.00
b) Pentadbiran (bulan tuntutan)		
- Sewa 042017-032019(25)	60,000.00	60,000.00
- Sewa 042019-092019(6)	19,500.00	19,500.00
c) Elaun (bulan tuntutan)		
- Zainal Baharuddin	20,000.00	20,000.00
- Rosmihaiza Rusly	14,000.00	14,000.00
d) Utiliti (bulan tuntutan)	11,500.00	11,500.00
e) PPIM sewa pejabat	18,000.00	18,000.00
f) Kos pendaftaran SKM	1,100.00	1,100.00
	224,100.00	224,100.00

13. MODAL SYER ANGGOTA

	2021 RM	2020 RM
Baki pada awal tahun	14,666,057.67	47,760.00
Tambahan dalam tahun	8,417,256.88	14,618,297.67
	23,083,314.55	14,666,057.67
Tolak: Dikembalikan	-	-
Baki pada akhir tahun	23,083,314.55	14,666,057.67

	2021 Bil. (Org)	2020 Bil. (Org)
Bilangan anggota		
Baki pada awal tahun	21,247	286
Tambahan dalam tahun	6,874	20,961
Baki pada akhir tahun	28,121	21,247

14. PENDAPATAN DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

	2021 RM	2020 RM
Aktiviti Pelaburan		
Pendapatan	268,827.97	327,833.46
Jumlah Pelaburan	268,827.97	327,833.46

15. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PENYATA KEWANGAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia ("WHO") mengisytiharkan jangkitan Novel Coronavirus 2019 ("COVID-19") sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Pengisytiharan ini diikuti dengan pelbagai langkah kawalan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia sehingga 31 Disember 2020. Pada tahun 2021, usaha ini diteruskan dengan pelbagai fasa PKP dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilaksanakan bersama-sama dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Pada 8 Mac 2022, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa Malaysia akan memasuki Fasa 'Peralihan ke Endemik' pada 1 April 2022.

Ketika dunia mengalami kemerosotan ekonomi akibat pandemik global COVID-19, Koperasi sentiasa menjalankan pendekatan yang sangat berhati-hati dan mengambil langkah proaktif dalam menguruskan kewangan Koperasi.

Memandangkan ketidakpastian berterusan disebabkan oleh pandemik COVID-19, Koperasi terus memantau perkembangan di dalam negara dan luar negara secara dekat, serta kekal proaktif dan berhati-hati dalam mengurangkan kesan terhadap perniagaan Koperasi.

16. ANGKA BANDINGAN

Penyata kewangan telah disediakan mengikut format yang berbeza bagi tahun sebelumnya. Penyediaan Penyata Kewangan tahun ini adalah mengikut format GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Angka - angka perbandingan telah direklasifikasikan supaya sejajar dengan persembahan tahun semasa.

LAPORAN TAHUNAN

**ANGGARAN
PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN
KEWANGAN
2023**

ANGGARAN BELANJAWAN UNTUK TAHUN KEWANGAN 2023

PENDAPATAN	2022 (RM)	2023 (RM)
Yuran Pendaftaran	7,800.00	36,000.00
Komisyen Pelaburan	222,337.00	840,000.00
Jumlah Pendapatan	230,137.00	876,000.00
PERBELANJAAN		
Kos perubatan	1,200.00	3,000.00
Yuran Audit / Cukai	9,000.00	9,000.00
Caj Perbankan & terminal	6,338.00	6,793.00
Gaji Pengurusan & Elaun ALK	96,268.00	316,800.00
Perbelanjaan pentadbiran	22,201.00	19,856.00
Promosi dan Pemasaran	1,338.00	120,000.00
Perbelanjaan sewa pejabat	0	31,200.00
Cukai Jualan dan perkhidmatan	858.00	858.00
Pakaian Seragam	0	1,000.00
Perbelanjaan alat tulis	253.00	1,200.00
Penyelenggaraan Laman Sesawang	3,945.00	4,000.00
Perbelanjaan Modal	0	17,700.00
Perbelanjaan susut nilai	208,500.00	156,375.00
Jumlah Perbelanjaan	349,901.00	687,782.00
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI	-119,764.00	188,218.00
Cukai	0	41,786.00
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI	-119,764.00	146,432.00

Nota:

1. Seramai 260 ahli anggota baru pada tahun 2022
2. Jangkaan tambahan anggota baru pada 2023 seramai 1,200 orang
3. Kos perubatan sebanyak RM600 setahun
4. Gaji pengurusan pada tahun 2023 meningkat kerana cadangan untuk menambah pekerja di bahagian pengurusan atasan, ICT, perakaunan/sumber manusia dan pentadbiran serta elaun perjalanan ALK
5. Promosi dan pemasaran sebanyak RM10,000/bulan
6. Sewaan sebanyak RM2,600.00

KoPPIM

KOPERASI PEMBANGUNAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA

Laporan Tahunan 2021